PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA
(MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)
NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-11031980 / WWW.PIKM.MY

*Presiden*
DATO' SRI HJ RAMLI B. HJ YUSUFF

*Timbalan Presiden*
KAPTEN NAJMUDDIN B. MOHD IBRAHIM (B)

*Naib Presiden*
MEJ. JEN. DATO' MOHD YUNUS B. LONG (B)
SALIZA BT ABDULLAH
MOHAMMAD UBAIDILLAH B. IMAN

*Setiausaha Kehormat*
KU NORAZMI B. DATO' HJ. IMAM ASMAWI

*Bendahari Kehormat*
IR. SOFIA BT DATO' IR. JOHARI

*Penolong Setiausaha*
ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

*Penolong Bendahari*
DATO' HABIBULLAH B. DATO' HJ AHMAD

*Ahli-ahli Jawatankuasa*
DATO' HJ. JAAFAR B. HJ MAT
KAPTEN DATO' ISMAIL B. ISHAK (B)
MOHD YUSOFF B. M DAUD
ADNAN B. ABDULLAH
ADILA B. DATO' ABDULLAH
BRIG. JEN. DATO' ZAINAL B. ABD RAHMAN TUDM(B)
MOHAMMED FADZLAN B. MUSTAPA
DATO' DR. BASANT SINGH SIDHU
DATUK ZAIDI B. MOHAMED

*Juruaudit Dalaman*
MOHD HODORI B. SARBINI
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

*Pengerusi Zon WP Kuala Lumpur*
DATO' ROSMARAYU BT MOKHTAR

*Pengerusi Zon Selangor*
DATUK SHANKER RAJ AYANGER

*Pengerusi Zon Johor*
DATUK MHD. TAHIR B. MOHD NOAH

*Pengerusi Zon Perak*
ZAITON BT MOHD NUSI

*Pengerusi Zon Kelantan*
AFENDI BIN MUKHTAR

*Pengerusi Zon Pahang*
MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

*Pengerusi Zon Pulau Pinang*
MUHAMMAD SYAFIQ B. ISHAK

*Pengerusi Zon Kedah & Perlis*
DATO' PADUKA HJ AB RAHAMAN BIN JAPAR

*Pengerusi Zon Melaka*
DATO' GAN PENG LAM

*Pengerusi Zon Negeri Sembilan*
MEJ. MOHD ZAINAL B. JUNI (B)

*Pengerusi Zon Sabah*
KAPTEN MAZALAN B. FADZIL (B)

*Pengerusi Zon Sarawak*
SHAHARUDDIN B. SAMSI

*Sekretariat*

*Pengurus Besar*
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2021(24) 8 JUN 2021

**SEMUA AHLI PIKM** ***"MUSTAHAK/SEGERA"***
(U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT EDARAN PIKM KE-24/2021:**
**PERBEZAAN MAKLUMAT PEKERJA DALAM PORTAL CIMS 3.0 MITI DAN SISTEM ESIMS KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Berhubung Surat Edaran PIKM ke-23/2021 mengenai arahan permohonan surat kebenaran beroperasi melalui Portal CIMS 3.0 MITI sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Total Lockdown, berikut merupakan maklum balas terkini yang diterima daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN):

2.1 Maklumat pekerja yang dikemukakan melalui Portal CIMS 3.0 MITI didapati **tidak didaftarkan dan tiada dalam Sistem ESIMS KDN;**

2.2 Bagi perkara di atas, syarikat diarahkan untuk membuat **pengemaskinian maklumat kakitangan dan pengawal keselamatan serta tapisan keselamatan dalam Sistem ESIMS KDN** dengan kadar segera;

2.3 Perkara 2.2 juga selaras dengan arahan KDN untuk semua syarikat Agensi Persendirian diwajibkan untuk mengemaskini senarai kakitangan dan pengawal keselamatan yang didaftarkan dalam Sistem ESIMS KDN dari masa ke semasa. Ia termasuk untuk mengeluarkan maklumat penama yang telah berhenti atau tidak lagi berkhidmat dengan syarikat;

2.4 Syarikat perlu memastikan senarai pekerja yang didaftarkan dalam Portal CIMS 3.0 MITI **selari dan sama** dengan Sistem ESIMS KDN.

2.5 **Kegagalan** berbuat demikian akan mengakibatkan pihak KDN **menarik semula kelulusan atau membatalkan kelulusan** permohonan beroperasi di Portal CIMS 3.0 MITI.

3. Dimaklumkan juga, sekiranya terdapat pengemaskinian maklumat pekerja dalam Portal CIMS 3.0 MITI, syarikat boleh mengguna pakai surat kebenaran beroperasi MITI sedia ada tanpa perlu mencetak surat baru. Bersama ini dilampirkan panduan mengemaskini senarai pekerja di Portal CIMS 3.0 MITI sebagai panduan kepada ahli-ahli PIKM.

Untuk perhatian dan maklumat lanjut ahli-ahli PIKM.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

**DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF**
**PRESIDEN**

S.k: YBrs. Tuan Zulkifli Bin Abidin
Setiausaha Bahagian
Bahagian Keselamatan
Kementerian Dalam Negeri
Aras 10, Blok D1, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 PUTRAJAYA

# PANDUAN KEMASKINI MAKLUMAT PEKERJA DALAM PORTAL COVID-19 INTELLIGENT MANAGEMENT SYSTEM (CIMS 3.0) MITI

***Nota:*** *Pengemaskinian maklumat pekerja hanya boleh dibuat setelah status permohonan "Diterima" (lulus) dalam Sistem CIMS 3.0 MITI. Sekiranya status permohonan masih "Baharu", syarikat perlu menunggu sehingga status bertukar kepada "Diterima".*

**Langkah 1: Layari Portal CIMS 3.0 di pautan [https://notification.miti.gov.my/login](https://notification.miti.gov.my/login).**

**Langkah 2:** Log masuk (*log-in*) menggunakan **emel & kata laluan** yang didaftarkan.



**Langkah 3**: Klik “**Borang Notifikasi**”, klik “**Notifikasi Beroperasi**” dan klik butang “**Kemaskini**”




**Langkah 4**: **KEMASKINI MAKLUMAT PECAHAN PEKERJA DAN MUAT NAIK SENARAI PEKERJA BAHARU**

Isi maklumat pada paparan seperti di bawah. **Masukkan “0” jika tidak berkenaan.**

**Kategori Pekerja:**

- *Pekerja Pengurusan* - **Pengurusan**
- *Pekerja Pentadbiran* - **Profesional, Teknikal & Penyeliaan**
- *Kerani* - **Jualan, Kerani & Lain-lain**
- *Pengawal Keselamatan, Pegawai Ronda & Penyelia* - **Berkemahiran**



SILA KEMASKINI MAKLUMAT PECAHAN PEKERJA DAN MUAT NAIK SENARAI PEKERJA BAHARU

JADUAL PECAHAN PEKERJA SEMASA (terkini) / BREAKDOWN NUMBER OF CURRENT EMPLOYEES (latest) *

Masukkan 0 jika tidak berkenaan / Enter 0 if irrelevant

| Kewarganegaraan / Nationality | MTS | | | Operator Kilang, Mesin & Pemasangan | Jualan, Kerani & Lain-lain | Pekerja Am | TOTAL |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pengurusan | Profesional, Teknikal & Penyeliaan | Berkemahiran | | | | |
| Malaysia / Malaysian | | | | | | | 0 |
| Asing / Foreign | | | | | | | 0 |
| JUMLAH / TOTAL | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |

**Langkah 5: SENARAI PENUH PEKERJA (TERKINI)**

Isi maklumat pada paparan seperti di bawah.

**PERHATIAN: Jumlah Pekerja bagi Langkah 4 dan Langkah 5 perlu SAMA.**

- **Muat Turun Template Microsoft Excel yang disediakan**;
- Jangan ubah template yang disediakan.
- Dokumen / template lain tidak diterima;
- Isi maklumat senarai pekerja mengikut kolum dengan betul.

**Langkah 6**: Klik butang “**Simpan**”




**Langkah 7:**

Setelah kemaskini, paparan seperti di bawah akan dipaparkan menunjukkan maklumat pekerja telah dikemaskini. Semak dan pastikan maklumat, termasuk senarai nama pekerja baru yang dikemaskini diisi dengan tepat.




**- PENGEMASKINIAN SELESAI-**